

PANDUAN
KEBENARAN PENGANJURAN MAJLIS
MENGAJAR DAN MEMBERI SYARAHAN AGAMA SEMASA

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini menggariskan tatacara permohonan Kebenaran Penganjuran Majlis Mengajar Dan Memberi Syarahan Agama Semasa serta peranan dan etika yang perlu dipatuhi bagi pemohon atau penceramah melaksanakan berdasarkan landasan syarak.

2. TUJUAN

- 2.1 Panduan kebenaran penganjuran mengajar dan memberi syarahan agama Majlis Agama Islam Johor ini dikuatkuasakan adalah untuk menjelaskan kehendak perkara 7 Kaedah-Kaedah Mengajar dan Memberi Syarahan Agama 1991 dan memudahkan pengurusan pentadbiran Majlis Agama Islam Johor dalam menguruskan permohonan Penganjuran Majlis Mengajar Dan Memberi Syarahan Agama di dalam negeri Johor.
- 2.2 Panduan ini juga bertujuan untuk mengawal dan memastikan bahawa majlis di bawah anjurannya tidak menimbulkan unsur-unsur perpecahan ummah dan tidak bercampur dengan ciri-ciri maksiat di dalamnya.
- 2.3 Selain itu juga ianya bertujuan agar penganjur memilih guru-guru yang tidak menimbulkan kontroversi dan benar-benar berkemampuan untuk menyampaikan ajaran agama yang benar dan tidak menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat.

3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Penganjur hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor ke Pejabat Kadi Daerah dengan mengisi **Borang B**. (Borang Permohonan Menganjurkan Majlis Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Islam Dalam Negeri Johor)
- 3.2 Borang permohonan itu hendaklah dihantar kepada Kadi Daerah bagi mendapatkan kelulusan.

- 3.3 Penganjur hanya menjemput Penceramah tempatan atau luaran yang bertauliah sahaja dan tidak menimbulkan apa-apa perselisihan faham dikalangan masyarakat awam.
- 3.4 Permohonan hendaklah dihantar ke Pejabat Kadi Daerah selewat-lewatnya **2 minggu** (14 hari) sebelum tarikh cadangan penganjuran.
- 3.5 Majlis yang dianjurkan hendaklah bermotifkan dakwah dan agama islam semata-mata.
- 3.6 Kebenaran hanya terhad untuk tarikh, masa dan tempat sebagaimana yang dipohon sahaja termasuklah kelas Fardhu Ain yang ditempatkan di Masjid atau Surau dalam Negeri Johor.
- 3.7 Permohonan penceramah yang **BUKAN Warganegara Malaysia** hendaklah terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Surat-surat kebenaran tersebut dan surat akuan perjalanan yang disahkan hendaklah dilampirkan bersama-sama borang permohonan.
- 3.8 Dalam keadaan tertentu, Kadi Daerah boleh dengan budi bicaranya memberi kebenaran bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Negeri Johor jika difikirkan tidak bertentangan dengan syarat, telah berpusas hati dan mengenalpasti bahawa penceramah telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan termasuk kefahaman penceramah terhadap Ahli Sunnah WalJamaah, Pengamalan terhadap Mazhab Syafie, Akhlak dan keperibadian yang baik, Penglibatan Dalam Bidang Politik, Tidak terlibat dalam Jenayah Syariah dan Sivil, Status Kewangan yang kukuh dan minat serta telah memaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Negeri Johor dan mendapatkan kelulusan daripada Pengerusi Jawatan Kuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Negeri Johor samada secara lisan dan bertulis.
- 3.9 Kebenaran Penganjuran Majlis hendaklah ditandatangani oleh Kadi Daerah bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Penapis Kebenaran Mengajar dan Memberi Syarahan Agama Negeri Johor.

4. ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG TAULIAH

- 4.1 Peranan utama seorang pemegang tauliah mengajar adalah berkewajiban untuk membantu dalam memberikan khidmat nasihat (kaunseling), panduan dan bimbingan kepada orang ramai khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan urusan agama.
- 4.2 Pemegang tauliah hendaklah sentiasa menjaga maruah diri dan agama dengan berpakaian yang sempurna dan sesuai dengan jawatannya serta sentiasa berakhlak mulia jujur, amanah, ikhlas dan tidak melakukan sebarang perkara kemungkarannya yang boleh menjejaskan nama baik agama, diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.
- 4.3 Pemegang tauliah hendaklah sentiasa mendalami ilmu pengetahuan agama yang sesuai khasnya dalam perkara Fardu Ain khasnya dan pengetahuan am untuk persediaan memberikan nasihat dan panduan kepada orang ramai secara muzakara-muzakarah berkelompok sesama pemegang tauliah dan alim ulama'.
- 4.4 Pemegang tauliah hendaklah menyampaikan pengajaran berdasarkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (Akidah, Syariah dan akhlak) yang berlandaskan Mazhab As-Syafiee.
- 4.5 Pemegang tauliah adalah dilarang membuat sebarang kenyataan yang boleh menyebabkan kontroversi atau perselisihan faham atau khilafiah dalam soal agama.
- 4.6 Pemegang tauliah adalah dilarang membuat sebarang kenyataan yang menyentuh hal-hal pentadbiran Jabatan Agama Johor atau kuasa-kuasa Duli yang Maha Mulia Sultan sebagai ketua Agama bagi Negeri sebaliknya merujuk perkara-perkara tersebut kepada saluran-saluran Jabatan.
- 4.7 Pemegang tauliah hendaklah sentiasa mengikut dan mematuhi dari masa ke semasa semua arahan dan pekeliling Jabatan.